KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23.02.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JPN KELANTAN/JPSM			

Air keruh akibat penerokaan hutan

Pokok, sisa penebangan dibuang ke dalam sungai jadi punca

Oleh SITI FATIHAH AWANG

PASIR PUTEH


WAN MOHD SHAHRUL


ABDUL RAZAK


ROHAYATI

Lebih 500 penduduk di kawasan Kampung Gong Menkelih di sini berdepan masalah air kotor dan keruh, dipercayai berlaku kesan daripada penebangan pokok yang tidak terkawal di Hutan Simpan Kekal Ulu Sat, di sini.

Masalah itu didakwa berlaku sejak awal tahun ini selepas penduduk mendapati air yang disalurkan ke rumah mereka keruh walaupun hari tidak hujan.

Seorang penduduk, Wan Mohd Shahrul Azwadi Wan Husin, 40, berkata, dia dan beberapa penduduk kampung telah melihat keadaan kolam tadahan air bukit yang dibina mereka sejak lebih 40 tahun lalu.

"Rupa-rupanya banyak pokok dan sisa penebangan jatuh ke dalam kolam berkenaan.

"Kami yakin, ia adalah punca air menjadi keruh dan kotor," katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Menurut seorang lagi penduduk kampung, Abdul Razak Ismail, 38, dia kini terpaksa berhabis ratusan ringgit bagi membeli keperluan air bersih untuk kegunaan keluarganya setiap hari.

Jelasnya, sebelum ini mereka tidak pernah mengalami masalah tersebut walaupun berdepan hujan berpanjangan pada musim tengkujuh.

"Sebelum ini air tidak pernah keruh dan kotor. Sebab itu bila jadi macam ini, kami terkejut," katanya.

Menurutnya, paip itu dibina 1,000 meter dari aras kolam tersebut sehingga ke kampung berkenaan dan ia merupakan hasil daripada titik peluh penduduk.

Abdul Razak berkata, penduduk kampung akan ke kolam berkenaan dua bulan sekali untuk membersihkan paip dan melihat kawasan kolam supaya sentiasa bersih serta tiada gangguan di kawasan utama saluran paip tersebut.

Sementara itu, seorang peniaga kedai makan, Rohayati Abdul, 54, memberitahu, dia terpaksa menutup kedai hampir dua minggu disebabkan ketiadaan air bersih.

Katanya, ia menjejaskan sumber pendapatannya yang bergantung harap sepenuhnya pada perniagaan di kedai tersebut.

"Macam mana hendak berniaga kalau keadaan air keruh dan tidak bersih.

"Sehubungan itu, kami mohon agar pihak berkuasa dan agensi yang berkaitan menyiasat serta membantu menyelesaikan masalah ini secepat mungkin," kata Rohayati.


Keadaan kolam tadahan air menjadi keruh dipercayai akibat penebangan pokok.


Keadaan hasil tebangan pokok yang dibuang ke dalam kolam tadahan air.


Air keruh dipercayai berlaku kesan daripada penebangan pokok di Hutan Simpan Kekal Ulu Sat.